

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [ KULIM ]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 | ISNIN**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tabung Haji akan mengekalkan subsidi haji kepada bakal-bakal jemaah haji dan berapa anggaran komitmen kewangan yang perlu dibiayai oleh Tabung Haji.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah institusi Islam yang bertanggungjawab dalam semua urusan berkaitan ibadat haji dan memastikan kebajikan jemaah haji terpelihara, Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan terus menanggung pemberian bantuan kewangan haji.
2. Kadar bantuan kewangan ini akan ditetapkan setelah mengambil kira secara menyeluruh keupayaan dan kedudukan kewangan **TH**, serta konsep Istito'ah iaitu kemampuan seseorang itu menunaikan haji.
3. Pada tahun 2019 sebelum berlakunya pandemik COVID-19, kos untuk menunaikan haji (Kos Haji) adalah RM22,900 seorang untuk jemaah haji Muassasah yang dikendalikan oleh **TH**. Bagi jemaah Muassasah yang menunaikan haji buat kali pertama, mereka hanya perlu membayar RM9,980 sebagai Bayaran Haji manakala baki sebanyak RM12,920 atau 56% dari Kos Haji ditanggung oleh **TH** sebagai bantuan kewangan haji. Bayaran Haji ini tidak pernah dinaikkan oleh **TH** sejak tahun 2009.
4. Sejumlah RM2.2 bilion telah dibelanjakan oleh **TH** sendiri bagi menampung bantuan kewangan haji tersebut sejak 2001 sehingga 2019. Bantuan kewangan haji ini dibiayai daripada hasil pendapatan pelaburan **TH** setiap tahun. Ini bermakna, semakin bertambah jumlah bantuan kewangan kepada jemaah haji, maka agihan keuntungan kepada kesemua pendeposit **TH** akan berkurangan.
5. **TH** menjangkakan kos untuk menunaikan fardu haji pada tahun 2022 akan terus meningkat. Ianya disebabkan beberapa faktor termasuk kadar inflasi dan peningkatan kadar percukaian *value added tax* (VAT) dari 5% kepada 15% di Arab Saudi serta impak dari pelaksanaan prosedur

operasi standard COVID-19 dan protokol kesihatan seperti keperluan ujian PCR, penjarakan fizikal dan lain-lain.

6. Kos Haji musim 1443 Hijrah bagi tahun 2022 akan dianggarkan oleh **TH** setelah mengambil kira peraturan dan caj semasa seperti yang dimaklumkan oleh Kerajaan Arab Saudi berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan asas untuk jemaah haji.

7. Orang ramai adalah dinasihati untuk menunggu pengumuman rasmi mengenai Kos Haji dan Bayaran Haji daripada **TH** dan bukan dari pihak-pihak lain yang tidak terlibat dalam urusan haji. **TH** akan terus memastikan aspek kebajikan jemaah haji terjaga di samping mereka turut sama menikmati faedah sebagai para pendeposit yang menyimpan untuk menunaikan haji.

8. Selain itu semua bakal haji dinasihatkan untuk membuat persiapan awal dari aspek ilmu ibadat haji, kesihatan, rohani, jasmani dan kewangan agar bersedia apabila tiba masa dipanggil untuk mengerjakan haji nanti.

Sekian, terima kasih.